

28 DEC 1998

Sorotan-Alam sekitar

KEKURANGAN AIR DORONG NEGERI-NEGERI BEKERJASAMA ATASI BEKALAN

Oleh: MOHD NASIR YUSOF

KUALA LUMPUR: Catuan air akibat kekurangan bekalan merupakan salah satu peristiwa utama 1998 yang meresah hampir 3.2 juta penduduk khususnya di Lembah Klang yang pada ketika sama menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel ke-16.

Namun, peristiwa ini menjadi iktibar kepada kerajaan-kerajaan negeri betapa perlunya mereka bekerjasama dalam penyediaan keperluan asas seperti air kepada rakyat.

Berikutan itu, terhasil kerjasama yang cukup ketara antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Pahang. Pahang yang mempunyai bekalan air yang banyak sedia menyalurkan airnya ke Selangor.

Ini dijelaskan oleh Majlis Sumber Air Negara (MSAN) yang bersekretariat di Jabatan Kerja Raya, ditubuhkan bagi mengatasi masalah itu, pada mesyuarat pertamanya yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jun.

Kekurangan bekalan yang rentetannya bermula sejak Mac dipercayai paling teruk pernah dialami negara dari segi jumlah pengguna yang terjejas memandangkan catuan begitu meluas.

Masalah itu itu berlaku dikatakan akibat kemarau panjang dikaitkan dengan fenomena cuaca El-Nino iaitu pemanasan permukaan lautan Pasifik yang mengakibatkan suhu lebih panas dan kering sehingga tiada hujan.

Fenomena El-Nino juga sebelum ini dikatakan menjadi punca berlakunya kehangatan cuaca yang membawa kepada kebakaran tidak terkawal puluhan ribu hektar hutan tropika di Indonesia yang menyebabkan jerebu paling teruk menyelimuti Malaysia buat beberapa bulan pada 1997.

Ekoran catuan dari Mac hingga Ogos, bahkan di sesetengah tempat hingga September, ribuan baldi dan tempayan dari pelbagai saiz dan warna sering muncul di tepi-tepi jalan terutama di sebelah petang menunggu lori tangki Jabatan Bekalan Air.

Tahap air di empangan-empangan utama dan penggerudian telaga bagi mencari sumber air bawah tanah menjadi bahan berita penting saban hari disiarkan media massa sepertilah tahap Indeks Pencemaran Udara semasa jerebu melanda.

Memburukkan masalah bekalan ialah pencemaran sungai di Lembah Klang akibat kerakusan sesetengah industri dan pihak tertentu yang memaksa penutupan loji-loji penapis air dan seterusnya pemotongan bekalan.

Tanpa hujan, air sungai berkurangan dan keupayaannya untuk melarutkan bahan juga berkurangan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

Institut Jurutera Malaysia pula berkata satu lagi punca kekurangan bekalan air ialah kehilangan air antara 35 hingga 40 peratus akibat pengurusan kurang cekap dalam mengesan kedudukan paip pecah serta sikap membazir pengguna.

Masalah kekurangan air mengakibatkan pergeseran antara Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) yang cuba membela nasib orang ramai dengan Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab ke atas Jabatan Bekalan Air Negeri itu.

FOMCA yang menerima banyak aduan daripada orang ramai terpaksa mengancam akan menyaman Kerajaan negeri RM1 juta kerana ketidakupayaannya menyelesaikan masalah bekalan air dan catuan yang berpanjangan.

Bagaimanapun masalah air ini juga telah menjernihkan beberapa perkara berkaitan kerjasama membekal air antara satu negeri dengan negeri jiran

yang menghadapi kekurangan bekalan. Bekalan air terletak dalam bidang kuasa negeri.

Namun, menjelang Sukan Komanwel pada September banyak kawasan perumahan yang dicatu bekalan tiba-tiba mendapati paip air di rumah mula mengeluarkan air berterusan 24 jam sehari dan bukan lagi antara enam hingga 12 jam selang dua hari seperti berbulan-bulan sebelum itu.

Tidak seperti tahun sebelumnya, 1998 tidak lagi menyaksikan jerebu sebagai bencana utama, walaupun ia masih berlaku kecil-kecilan di beberapa kawasan seperti di Klang, Melaka dan Bintulu dikatakan berpunca dari sumber dalam negeri termasuk asap kilang, kenderaan dan pembakaran terbuka.

Jerebu yang tercetus pada pertengahan 1997 lenyap beberapa minggu sebelum bermula Sukan Komanwel.

Dengan mengambil iktibar peristiwa 1997, kerajaan telah mendirikan kira-kira 40 buah stesen pengawasan udara automatik, setiap satu berharga antara RM100,000 hingga RM500,000 di seluruh negara bagi meningkatkan kecekapan pengawasan alam sekitar, mengesan pencemaran udara dan mengumpul data.

Kerajaan juga telah mengeluarkan garis panduan kaedah pembakaran terbuka bagi mengatasi masalah jerebu di samping meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang menaikkan denda dari RM100,000 kepada RM500,000 dan/atau penjara lima tahun ke atas pesalah pembakaran terbuka.

Menjelang November, tiba-tiba rakyat dikejutkan pula dengan satu lagi fenomena cuaca iaitu La Nina yang diramal menyaksikan Malaysia dilanda hujan berlebihan lebatnya menyebabkan bukan sahaja banjir tetapi juga kejadian angin kencang dan tanah runtuh yang mengancam penghuni rumah di lereng bukit.

Law berkata La Nina yang dijangka berakhir Februari 1999 setakat ini mengakibatkan negara mengalami kerugian RM100 juta dalam pelbagai bentuk kerosakan yang dialami.

Persiapan telah dibuat sehingga ke peringkat daerah di seluruh negara bagi menghadapi kemungkinan buruk akibat hujan lebat pada musim monsun timur laut sekarang. Antaranya termasuklah peringatan bersedia untuk pindah bagi mereka yang tinggal di lereng bukit dan kawasan lembah.

Tahun 1998 juga menyaksikan beberapa langkah dan pembaharuan yang menjuruskan Malaysia ke arah pengawalan alam sekitar yang lebih baik di tahun mendatang, termasuklah pembinaan stesen "remote sensing" (pengesanan jarak jauh) bumi Malaysia yang pertama di Temerloh yang dijangka siap Julai 1999 dan mula beroperasi pada tahun 2000.

Pusat Remote Sensing Malaysia (Macres) telah menandatangani perjanjian dengan Universiti Telekom bulan ini bagi tujuan itu yang akan membolehkan Malaysia menerima secara terus data "remote sensing" dari rantau ini.

Malaysia juga sudah mula menggunakan sistem radar yang berharga RM100 juta yang dikendalikan Jabatan Laut bagi mengesan dan mengawasi setiap kapal yang melalui Selat Melaka untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya pelanggaran yang boleh mengakibatkan pencemaran minyak di laluan paling sibuk itu.

Menurut Law secara keseluruhannya keadaan alam sekitar Malaysia pada tahun ini adalah terkawal dan tidak menunjukkan kemerosotan berbanding tahun lepas.

Katanya laporan suku ketiga kualiti udara, sungai, air dan marin yang dikemukakan kepada kabinet mencatatkan bahawa dari 120 lembangan sungai yang ditinjau di seluruh negara, 30 didapati bersih, 68 tercemar sederhana dan yang lainnya dicemari.

Kualiti udara pula kini di tahap baik manakala kualiti marin juga terkawal walaupun terdapat sedikit lebihan plumbum di beberapa kawasan pantai dan muara.

-- BERNAMA

MNY/RS